

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN BIL.3/2021**

Tarikh : 15 Disember 2021 (Rabu)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : Secara dalam talian
Google Meet, pautan mesyuarat :
<https://meet.google.com/kwc-iysh-aus>

HADIR :

- | | |
|---|---|
| 1. YH. Dato' Haji Idros bin Yahya
Pengurus Besar | - Pengerusi
Majlis Bersama Jabatan |
| 2. Puan Nor Zaihan binti Othman
Pengurus Khidmat Pengurusan | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pengurusan) |
| 3. Encik Izuddin Iskandar bin Mohamad Sharif
Pegawai Perbandaran Kerajaan Tempatan | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pengurusan) |
| 4. Puan Nazratul Azra binti Tukirin
(Wakil Kumpulan Pengurusan dan
Profesional) | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pekerja) |
| 5. Puan Norhawalaina binti Mohd Arif
Penolong Akauntan | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pengurusan) |
| 6. Encik Ismanizam binti Ismail
(Wakil Kumpulan Teknikal) | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pekerja) |
| 7. Encik Ahmad Juraimie bin Jesamsani
(Wakil Kumpulan Pemandu) | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pekerja) |
| 8. Encik Saifulizam bin Abd. Rahman
(Wakil Kumpulan Penguatkuasaan) | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pekerja) |
| 9. Puan Nurhidayah binti Hashim
(Wakil Kumpulan Perkeranian/ Operasi) | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pekerja) |

- | | |
|--|--|
| 10. Encik Mohd. Jazaruddin bin Jaferdin
(Wakil Kumpulan Pembantu Awam) | - Ahli Jawatankuasa
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pekerja) |
| 11. Puan Tengku Hasma Seri Dewi binti Tengku Hussin
(Ketua Pembantu Tadbir) | - Setiausaha
Majlis Bersama Jabatan
(Wakil Pengurusan) |

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi

- 1.1 YH. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan bacaan Surah Al-Fatihah. Beliau mengucapkan terima kasih atas kerjasama ahli mesyuarat yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga Pembangunan Tioman Bilangan 3/2021 dan memaklumkan mesyuarat ini adalah kali pertama yang dihadiri beliau sejak dilantik di Lembaga pada 15 September 2021.
- 1.2 YH. Dato' Pengerusi berharap agar wakil-wakil pekerja dapat membawa isu-isu baru dari kumpulan masing-masing untuk dibangkitkan pada setiap kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga diadakan bagi mendapatkan pandangan daripada semua pihak dan melihat keperluan-keperluan yang perlu ditambahbaik yang mungkin terlepas pandang oleh pihak Pengurusan.
- 1.3 YH. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Pengurusan Lembaga dari semasa ke semasa akan melibatkan dan menggalakkan semua anggota perkhidmatan menyertai aktiviti-aktiviti luar secara bersama dalam program-program yang dilaksanakan di peringkat organisasi.
- 1.4 YH. Dato' Pengerusi merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Kelab Keluarga, Kebajikan dan Sukan Lembaga Pembangunan Tioman (KKKSLPT) kerana telah Berjaya menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Pantai yang telah berlangsung di Kampung Tekek, Pulau Tioman pada 4 - 5 Disember 2021 yang lalu.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga Pembangunan Tioman Bil.2/2021 yang diadakan pada 18 Ogos 2021 disahkan oleh Encik Ahmad Juraimie bin Jesamsani dan disokong oleh Encik Jazaruddin bin Jaferdin tanpa sebarang pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 PERKHIDMATAN

3.1.1 *Trade Off* Perjawatan

Dilaporkan :

Pengurusan memaklumkan penstrukturan semula organisasi masih menunggu keputusan daripada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (BKT,SUK) mengenai hala tuju Lembaga Pembangunan Tioman.

Keputusan :

Mesyuarat dimaklumkan isu penstrukturan semula organisasi ditangguhkan sehingga mendapat keputusan mengenai hala tuju Lembaga daripada Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK Pahang. YH. Dato' Pengerusi meminta Pegawai Tadbir Kerajaan Tempatan mendapatkan senarai bantuan/peruntukan projek-projek pembangunan di Pulau Tioman daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang telah disalurkan sehingga kini sebagai sokongan pengekalan fungsi PBT kepada Lembaga Pembangunan Tioman. Sumber peruntukan daripada KPLB akan terjejas sekiranya fungsi PBT diambilalih oleh Majlis Daerah Rompin.

3.1.2 Permohonan Pengwujudan Jawatan Penolong Pegawai Penilaian Dan Pembantu Penilaian (Tetap)

Dilaporkan :

Seperti di para 3.1.1.

Keputusan :

Seperti di para 3.1.1

3.2 PENTADBIRAN

3.2.1 Mengemaskini Laman Web Lembaga Dan Mencipta Akaun Sosial Seperti Facebook Milik Lembaga.

Dilaporkan :

Penyemakan semula maklumat-maklumat yang hendak dikemaskini di laman web Lembaga telah dilakukan oleh Puan Nurhidayah. Pentadbir bagi facebook dan instagram Lembaga iaitu Wan Syazwan Rumaizah, Marlia, Muhammad Zikri, Wan Nur Azleen dan Nurhidayah.

Keputusan :

- (i) Mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk memasukkan Carta Organisasi Wakil Pengurusan dan Wakil Pekerja Majlis Bersama Jabatan Lembaga dalam Laman Web Lembaga.
- (ii) Mesyuarat bersetuju Unit Pentadbiran diminta mengaturkan Kursus Pengurusan Media Sosial dalam tempoh bulan Januari hingga Mac 2022 dan mencalonkan anggota yang berkaitan dan bersesuaian untuk menghadiri kursus ini untuk memberi pendedahan yang lebih terkini tentang pengurusan media sosial seperti facebook dan instagram dan mempelajari teknik pemasaran bagi menarik lebih ramai pengikut di media sosial tersebut.
- (iii) Mesyuarat turut bersetuju agar Penolong Pegawai Teknologi Maklumat menyediakan ruangan untuk kegunaan anggota perkhidmatan sahaja di dalam website Lembaga melalui jaringan *Local Area Network (LAN)*.

3.2.2 Memohon Pengurangan Perjalanan Yang Jauh Memandangkan Keadaan Kenderaan Lembaga (Waja CBS 767) Yang Terlalu Uzur**Dilaporkan:**

Kenderaan Honda City 1.5 LV nombor pendaftaran CEL 2705 telah diterima pada 21 September 2021 dari Syarikat Macinda Auto Sdn. Bhd. dengan harga RM89,713.34 bagi menggantikan kenderaan Waja CBS 767. Sehubungan itu, Kenderaan Waja CBS 767 ini akan dilaksanakan proses pelupusan.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju kenderaan Waja CBS 767 ini dilaksanakan proses pelupusan dan mohon keluar minit.

3.2.3 Baju Korporat Dan Baju Batik Yang Baru**Dilaporkan :**

Pihak Kelab Keluarga dan Sukan Lembaga bercadang untuk berurusan dengan pembekal di Terengganu pada akhir bulan Januari atau awal Februari 2022.

Keputusan :

Mesyuarat mengambil maklum.

3.2.4 CCTV Di Pejabat Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan (BKT), Lembaga Pembangunan Tioman.

Dilaporkan :

Kerja-kerja pemasangan CCTV telah siap dilaksanakan oleh pembekal Naim Advanced Enterprise pada 30 Oktober 2021. Kos pemasangan berjumlah RM5,890.00.

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju laporan pemantauan CCTV hendaklah disediakan oleh Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan dan Bahagian Khidmat Pengurusan secara berkala bagi memastikan tindakan-tindakan awal dapat dilaksanakan sekiranya didapati terdapat aspek-aspek yang mencurigakan berlaku di sekitar kawasan pejabat.

3.2.5 Pembelian Kenderaan Baru Di BKT Bagi Menggantikan Kenderaan Unser Di Pulau Tioman Kerana Keadaan Kenderaan Yang Telah Lama Dan Tidak Sesuai Digunakan.

Dilaporkan :

Kenderaan Toyota Hilux 2.4 G MT 4x4 nombor pendaftaran CEL 3769 telah diterima pada 6 Oktober 2021 dari Syarikat PDC Auto Kuantan Sdn. Bhd. dengan harga RM136,461.96.

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju Unit Pentadbiran membuat permohonan kepada pihak Jabatan Kerja Raya bagi urusan pelupusan kenderaan Toyota Unser ini dan perlu dilaksanakan bersekali dengan pelupusan kenderaan Waja CBS 767 dan juga aset-aset lain jika ada. Mesyuarat juga bersetuju agar melihat dari segi *cost effective* sekiranya dilupuskan di Pulau Tioman penawaran pembelian kemungkinan terhad manakala sekiranya dibawa keluar akan melibatkan kos pengangkutan ke tanah besar.

3.2.6 Pembekalan Safety Vest untuk Unit Penguatkuasa

Dilaporkan:

Unit Perolehan memaklumkan pembekalan *Safety Vest* masih dalam proses tempahan kerana kebanyakan kedai telah kehabisan stok.

Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum mengenai pembekalan *Safety Vest* dan juga bersetuju untuk pembelian *Safety Helmet* bagi kegunaan lawatan ke tapak projek secara gunasama dan disimpan di stor BKT.

3.2.7 Penyediaan Garaj bagi kenderaan yang sedia ada dan kenderaan baru di Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan

Dilaporkan:

Penolong Jurutera Awam telah memaklumkan kerja-kerja pembinaan garaj di BKT telah hampir siap sepenuhnya pada 7 Disember 2021. Seterusnya kerja-kerja pembersihan dan kekemasan sedang dilakukan dan dijangka siap pada 12 Disember 2021. Kenderaan hanya boleh diletakkan di garaj tersebut selepas tujuh (7) hari projek siap.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju agar BKT memastikan kenderaan Lembaga diletakkan di garaj ini setelah proses pembinaan siap sepenuhnya.

3.2.8 Permohonan pembelian *Fogging Smoke Machine* (pejabat) dan *Wireless Nano Sanitizer Spray Gun* (Kenderaan Lembaga).

Dilaporkan:

Unit Perolehan memaklumkan pembelian *Fogging Smoke Machine* dan *Wireless Nano Sanitizer Spray Gun* masih dalam proses tempahan juga kerana pembekal kehabisan stok dan menunggu stok sampai dari kilang.

Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum mengenai proses perolehan *Fogging Smoke Machine* (pejabat) dan *Wireless Nano Sanitizer Spray Gun* (Kenderaan Lembaga).

3.2.9 Permohonan pembelian 1 unit *Portable Hailer* (Pembesar Suara) bagi kegunaan program-program dan pengumuman di Pulau Tioman

Dilaporkan:

Unit Pentadbiran telah menyerahkan satu unit *Portable Hailer* sediada di Ibu Pejabat kepada Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan untuk kegunaan program dan lain-lain keperluan semasa.

Keputusan :

Mesyuarat mengambil maklum dan mohon keluar minit.

3.2.10 Permohonan pemberian kelonggaran Bekerja Dari Rumah (BDR) kepada kakitangan yang kawasan terlibat dengan zon merah atau PKPD bagi mengelakkan penyebaran.

Dilaporkan:

Pengerusi memaklumkan bagi kakitangan yang terlibat dengan PKPD, adalah diwajibkan untuk BDR, manakala kakitangan yang terlibat dengan kawasan zon merah, perlulah tertakluk kepada saranan dari pihak KKM (sekiranya menjadi *close contact*) dan tertakluk kepada peraturan yang sedia ada sepertimana yang dikeluarkan oleh pihak MKN.

Keputusan:

Mesyuarat mengambil maklum bahawa pada masa ini kerajaan telah menguatkuasakan bekerja sepenuhnya di pejabat dan mohon keluar minit.

3.3 KEBAJIKAN

3.3.1 Permohonan mewujudkan Taska di Lembaga Pembangunan Tioman.

Dilaporkan:

Berdasarkan Panduan Permohonan Geran Penubuhan TASKA di tempat kerja, penempatan TASKA ini hendaklah di kawasan premis jabatan kerajaan dan mengikut kapasiti permintaan anggota. Mohon Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan mendapatkan data kapasiti permohonan untuk dipanjangkan ke SUK Pahang.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan membuat kajian soal selidik dengan anggota perkhidmatan Lembaga dan Jabatan/agensi lain di Pulau Tioman bagi mendapatkan bilangan sebenar anak-anak anggota yang memerlukan penjagaan dan juga kesediaan tempat bagi mewujudkan taska di Pulau Tioman.

3.3.2 Permohonan mengadakan sesi tazkirah atau ceramah motivasi (1 jam setiap sesi).

Dilaporkan:

Sesi Tazkirah atau Ceramah Motivasi tidak dapat dijalankan kerana terdapat beberapa anggota di Ibu Pejabat terlibat di Kaunter Saringan Covid 19 untuk kemasukan pelancong ke Pulau Tioman.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju agar Pengurusan dapat mengadakan Majlis Bacaan Yasin pada setiap hari Jumaat dan program sharing motivasi secara penggiliran antara anggota perkhidmatan. Program in akan diselaraskan oleh Ketua Pembantu Tadbir (BKT).

3.4 SARAAN

3.4.1 Tiada isu.

3.5 KEWANGAN

3.5.1 Tiada Isu.

4. PEMBENTANGAN ISU-ISU BARU

4.1 PERKHIDMATAN

4.1.1 Peluang Kenaikan Pangkat peringkat Pengurusan dan Professional

Dilaporkan:

Kenaikan Pangkat peringkat Pengurusan dan Professional di Jabatan *close service* perlu mengutamakan pegawai di Lembaga untuk perakuan kenaikan pangkat.

Keputusan:

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dan memaklumkan urusan kenaikan pangkat perlu dilaksanakan secara terbuka mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pekeliling dan penilaian akan memberi keutamaan kepada pegawai dalaman yang berpengalaman di Lembaga.

4.1.2 Pengisian Jawatan Pengurus Perancangan dan Pembangunan Projek N48

Dilaporkan:

Wakil dari Kumpulan Teknikal mencadangkan agar pengisian bagi jawatan Pengurus Perancangan dan Pembangunan Projek adalah dari calon yang mempunyai latar belakang pendidikan kejuruteraan.

Keputusan:

Mesyuarat memaklumkan urusan pengisian jawatan Pengurus Perancangan dan Pembangunan Projek ini akan diuruskan oleh Unit Pentadbiran dan penilaian akan dibuat secara bersama oleh Panel Temuduga yang turut terdiri daripada Wakil Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), SUK Pahang. Skop jawatan ini melibatkan perancangan pembangunan Lembaga Pembangunan Tioman secara keseluruhan dan perlu melihat dalam konteks yang meluas bukan sahaja dalam aspek perancangan dan pembangunan projek.

4.2 PENTADBIRAN**4.2.1 Keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dikemaskini di dalam laman web Lembaga****Dilaporkan:**

Wakil dari Kumpulan Pemandu mencadangkan keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga dikemaskini dalam laman web Lembaga agar semua anggota perkhidmatan dapat mengetahui keputusan mesyuarat yang telah bersidang.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dan memaklumkan berkenaan keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Lembaga semasa akan dikemaskini dalam laman web Lembaga serta mencadangkan juga agar keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Lembaga Pembangunan Tioman dan juga pekeliling semasa dilaksanakan sama.

4.2.2 Permohonan Kerja Luar atau Cuti Tanpa Rekod oleh pemandu kenderaan bagi urusan pembaharuan lesen kenderaan berat**Dilaporkan:**

Wakil dari Kumpulan Pemandu mencadangkan berkenaan permohonan Kerja Luar atau Cuti Tanpa Rekod oleh pemandu kenderaan bagi urusan pembaharuan lesen kenderaan berat di Mersing.

Keputusan:

Mesyuarat memaklumkan pemandu kenderaan yang membuat urusan pembaharuan lesen kenderaan berat boleh diberikan arahan untuk bertugas luar sekiranya pemandu kenderaan tersebut dikhususkan memandu, termasuklah menjaga dan menguruskan kenderaan-kenderaan jentera/jentera dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) yang melebihi 5,000.00 kilogram dan diberikan arahan secara bertulis oleh Ketua Jabatan.

4.2.3 Penyediaan sepasang baju hujan untuk Pembantu Awam

Dilaporkan:

Wakil dari Kumpulan Pembantu Awam mencadangkan berkenaan penyediaan satu (1) pasang baju hujan (contoh baju Alam Flora) untuk Pembantu Awam.

Keputusan:

- (i) Mesyuarat bersetuju Pengurusan Lembaga membekalkan satu (1) pasang baju hujan yang berkualiti serta bercetak logo Lembaga untuk semua anggota perkhidmatan dan juga beberapa unit untuk simpanan stor bagi tujuan kegunaan pihak luar sekiranya ada lawatan tapak dan sebagainya.
- (ii) Mesyuarat juga bersetuju membekalkan beg *waterproof* untuk membawa dokumen bagi kegunaan anggota perkhidmatan di Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan menaiki bot ketika menjalankan tugas luar.

4.3 KEBAJIKAN

4.3.1 Permohonan pembinaan tandas di Kompleks Pentadbiran Pulau Tioman.

Dilaporkan:

Wakil dari Kumpulan Perkeranian/Operasi mencadangkan berkenaan permohonan pembinaan tandas di Kompleks Pentadbiran Pulau Tioman.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan menyediakan surat permohonan beserta gambar tandas sedia ada dan lokasi cadangan pembinaan tandas di Kompleks Pentadbiran Pulau Tioman kepada pemilik bangunan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya.

4.4 SARAAN

4.4.1 Tiada isu

4.5 KEWANGAN

4.5.1 Elaun Rawatan Pergigian untuk semua kakitangan sebanyak RM200.00

Dilaporkan:

Wakil dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional mencadangkan Elaun Rawatan Pergigian untuk semua kakitangan sebanyak RM200.00 setahun atau yang sepatutnya.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju pihak Pengurusan Lembaga membuat kajian pelaksanaan daripada agensi-agensi lain yang telah memperuntukkan elaun ini kepada anggota perkhidmatan masing-masing sebagai garis panduan dan perbandingan untuk diangkat Kertas Cadangan Elaun Rawatan Pergigian Untuk Semua Anggota Perkhidmatan Lembaga Pembangunan Tioman kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan kerana ianya melibatkan implikasi kewangan dan juga dasar Lembaga.

4.5.2 Elaun Bil. Telefon Bulanan bagi Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian/Ketua Unit.

Dilaporkan:

Wakil dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional mencadangkan berkenaan Cadangan Elaun Bil. Telefon Bulanan bagi Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian/Ketua Unit.

Keputusan:

- (i) Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara ini tertakluk kepada peruntukan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP - 2.2 iaitu Kelengkapan dan Kemudahan Anggota Perkhidmatan Awam.
- (ii) Mesyuarat bersetuju pihak Pengurusan Lembaga menyediakan kertas kerja yang melibatkan kos keseluruhan, justifikasi pegawai yang akan diperakukan berdasarkan kelayakan dan menyemak juga perlaksanaan daripada agensi-agensi lain untuk perbandingan.

4.5.3 Pindaan borang TNT

Dilaporkan:

Wakil dari Kumpulan Perkeranian/Operasi mencadangkan berkenaan pindaan borang TNT dengan adanya penambahan *column* untuk pengesahan daripada penyelia.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dan mohon tindakan penyelarasan oleh unit berkenaan.

5. HAL - HAL LAIN

- 5.1 Pengerusi memaklumkan kepada wakil Kumpulan Penguatkuasa agar mencari peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang melibatkan penguatkuasaan dan juga perundangan.
- 5.2 Pengerusi memaklumkan kepada Wakil Kumpulan Teknikal dan meminta agar Pemandu Bot Lembaga memberikan cadangan kepada pihak Pengurusan tentang pakaian seragam Pemandu Bot yang bersesuaian dan menampilkan identiti dan penampilan imej yang baik sebagai pemandu bot Lembaga Pembangunan Tioman terutamanya apabila membawa VVIP/VIP semasa program lawatan rasmi.
- 5.3 Wakil daripada Kumpulan Teknikal mencadangkan supaya diadakan Mesyuarat Perjawatan Lembaga agar anggota teknikal dapat memberikan pandangan berkenaan keperluan perjawatan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan Projek.

6. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 10.52 pagi dengan ucapan salam dan terima kasih daripada Pengerusi.

Disediakan bersama oleh :



**(TENGKU HASMA SERI DEWI
BINTI TENGKU HUSSIN)**
Setiausaha
Majlis Bersama Jabatan



(NURHIDAYAH BINTI HASHIM)
Setiausaha Wakil Pekerja
Majlis Bersama Jabatan

Diluluskan oleh :



(DATO' HAJI IDROS BIN YAHYA, DIMP., AMP.)
Pengurus Besar,
Lembaga Pembangunan Tioman
Merangkap Pengerusi
Majlis Bersama Jabatan.